

newbee

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
MERAHKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT
PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN
PENZIARAH HARAPAN



Jadilah Padaku Menurut Perkataanmu Itu

P entas sudah ditetapkan. Pada hari-hari yang akan datang, perayaan besar Krismas akan disambut. Pembacaan hari ini mendedahkan beberapa personaliti yang menggembirakan. Pertama, kita mempunyai dua bayi dalam rahim - Yohanes Pembaptis dan Yesus. Kemudian kita mempunyai ibu mereka - Elisabet dan Maria. Fokusnya bukan lagi pada Yohanes Pembaptis dan khotbahnya tentang pertobatan.

“Harapan mempunyai dua anak perempuan yang cantik; nama mereka ialah Kemarahan and Keyakinan.

Kemarahan pada keadaan sedia kala, dan Keyakinan untuk melihat bahawa mereka tidak kekal seperti itu.”

Sto Agustinus dari Hippo



Ayat Suci
Minggu ini:

Mikha 5: 1-4

Mazmur 79: 2-3, 15-16, 18-19

Ibrani 10: 5-10

Lukas 1: 39-45

Dalam Mikha, kita mendengar tentang tempat yang tidak jelas ini, Betlehem-Efrata. Malah nabi berkata tempat itu terlalu kecil untuk berada dalam kalangan kaum Yehuda. *Dari padamu akan bangkit bagiKu seorang yang akan memerintah Israel, yang permulaannya sudah sejak purbakala, sejak dahulu kala.*

Kemudian, kita diangkut ke kisah Maria bergegas untuk melawat sepupunya, Elisabet yang sedang mengandung. Pekan kecil Yudea tempat Elisabet tinggal tidak dinamakan. Dua orang bakal ibu bertemu, dan anak dalam rahim Elisabet melonjak kegirangan. Elisabet mengenali kehidupan Ilahi di dalam rahim Maria dan dia menyampaikan pujian, menyatakan, *'Siapakah aku ini sampai ibu Tuhanku datang mengunjungi aku?'*

Demikianlah sukacita yang muncul apabila seseorang mempunyai kehadiran Tuhan. Dan pembawa kehadiran Tuhan adalah IbuNya. Maria mengambil inisiatif untuk melayani sepupunya yang sudah tua. **Pada dasarnya, Maria menunjukkan kepada kita jalan.** Kristus akan menjalani kehidupannya di antara kita apabila Dia menjelma. Kelahirannya adalah dalam kemiskinan yang berakhir dengan kematian di kayu Salib. Tidak mungkin untuk merayakan Krismas tanpa perlu memikirkan Salib Kristus dan penebusan.

Dalam surat kepada orang Ibrani, penulis mengatakan bahawa Allah tidak berminat dalam korban dan persembahan binatang dan Dia tidak berkenan dengan korban bakaran dan penghapus dosa. Sebaliknya, Allah menyediakan *tubuh untuk AnakNya*, yang akan dipersembahkan tanpa syarat kembali kepada Bapa.

Inilah aku, Tuhan, aku datang untuk melakukan kehendakMu. Inilah yang Yesus ingin kita contohi. Untuk melakukan Kehendak Bapa, sepenuhnya dan tanpa syarat. BondaNya mengatur langkah apabila dia menjawab malaikat itu dan berkata, *'Aku adalah Hamba Tuhan, terjadilah padaku menurut perkataanmu itu.'*

Adakah kita kehilangan sesuatu? Selamat menyambut Hari Krismas. ✨

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org